



**1. PEGAWAI SAINTIFIK (BIDANG NEUROFISIOLOGI)
JABATAN NEUROLOGI DAN PEMULIHAN
KEMENTERIAN KESIHATAN
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Neurofisiologi / Neurosains atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang-bidang tersebut diatas adalah kelebihan.

TUGAS-TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI SAINTIFIK (BIDANG NEUROFISIOLOGI)

1. Membantu memantau keselesaan pesakit semasa ujian-ujian Neuro-diagnostik dijalankan.
2. Menjelaskan prosedur ujian Neuro-diagnostik kepada pesakit sebelum prosedur dijalankan.
3. Menyediakan laporan lengkap keputusan analisa ujian-ujian Neuro-diagnostik untuk tafsiran doktor dan pakar perubatan.
4. Mengendalikan dan membuat analisa ujian-ujian ElectroEncephaloGrafi (EEG), garisan fungsi saraf (NCV), ‘Evoked Potential’ (EP) dan lain lain ujian Neuro-diagnostik.
5. Menyelaras dan mengawal peralatan mesin bagi ujian-ujian Neuro-diagnostik mengikut garispandu piawaian dan protokol yang sudah disediakan.
6. Membantu doktor dan pakar perubatan menjalankan ujian ElectroMyoGrafi (EMG) keatas pesakit.



7. Menjalankan prosedur pemeliharaan (maintenance) “*trouble shooting*” bagi semua peralatan ujian-ujian Neuro-diagnostik.
8. Membantu mengendalikan latihan dan kursus ulangkaji bagi kakitangan unit neurofisiologi, Jururawat dan penuntut-penuntut yang sedang menjalani penempatan di bahagian Neurologi.
9. Membantu doktor dan pakar perubatan dalam menjalankan penyelidikan dan protokol klinikal jika diperlukan dari semasa ke semasa.
10. Memastikan inventori barang-barang keperluan ujian-ujian Neuro-diagnostik sentiasa mencukupi, teratur dan dalam keadaan baik.
11. Menyimpan semua data-data pesakit bagi tujuan penyelidikan dan audit.
12. Memasukkan semua keputusan ujian-ujian Neuro-diagnostik ke dalam Bruhims.
13. Sebagai “*leader*” dan “*developer*” kepada pegawai dan kakitangan yang dibawah tanggungjawab dalam menerajui unit/fungsi.
14. Melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.